

17/04/1998

Tidak salah menginap di hotel: Mahathir

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tidak salah bagi Datuk Abu Hassan Omar menginap di hotel sementara menunggu kediaman rasmi Menteri Besar Selangor siap diubah suai.

Menurut Perdana Menteri, anggota pentadbiran kerajaan termasuk menteri dan menteri besar dibenarkan tinggal di hotel sementara menunggu, sama ada kediaman rasmi mereka siap atau sehingga mendapat peruntukan tinggal di kediaman rasmi.

"Saya dulu, masa jadi Menteri Pelajaran, terpaksa duduk di Hotel Mirama sebelum dapat rumah," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Presiden Uganda, Yoweri Kaguta Museveni di sini, hari ini.

Persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor kelmarin diberitahu kerajaan negeri membelanjakan RM40,000 bagi membiayai penginapan Abu Hassan selama 125 hari di Hotel Radisson, Shah Alam sementara menunggu kediaman Menteri Besar siap.

Bagaimanapun, laporan Berita Harian hari ini menyebut tuntutan penginapan dan perbelanjaan Abu Hassan sepanjang tempoh penginapan itu, termasuk bagi pemandunya yang diberi kelayakan sama dengan pegawai kumpulan A, lebih RM75,000.

Bagi menjelaskan perkara itu, Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Abdul Aziz Mohd Yusof memberitahu sidang akhbar di Shah Alam pagi ini, jumlah tuntutan penginapan hotel dan perbelanjaan Abu Hassan sepanjang 125 hari di hotel itu ialah RM77,642.07.

Jumlah itu termasuk bagi sewa bilik Menteri Besar; pengawal peribadinya, Mohd Johari Rahmat; dobi, makan, bil telefon rasmi, faks dan sebagainya yang dibolehkan mengikut Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980 serta Pekeliling Bukit Aman 1982 .

Diminta mengulas mengenai perbezaan dalam jumlah tuntutan itu dan siasatan yang dijalankan oleh BPR, Dr Mahathir berkata: "Saya tak tahu yang itu, jadi saya tak berani nak tegur sebab saya tak tahu apa-apa."

(END)